

# **RISALAH KETERANGAN PRODUK**

## **BIMB DANA AL-FAKHIM**

**TARIKH: 1 NOVEMBER 2018**

**PENGURUS:  
BIMB INVESTMENT MANAGEMENT BERHAD  
(276246-X)**

**PEMEGANG AMANAH:  
SCBMB TRUSTEE BERHAD  
(1005793-T)**

## PERNYATAAN TANGGUNGJAWAB

Risalah Keterangan Produk ini telah disemak dan diluluskan oleh pengarah-pengarah BIMB Investment Management Berhad dan mereka secara bersama dan individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan maklumatnya. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan atau peninggalan fakta lain yang akan menjadikan mana-mana pernyataan dalam Risalah Keterangan Produk ini palsu atau mengelirukan.

## PERNYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan BIMB Dana Al-Fakhim dan salinan Risalah Keterangan Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran bagi BIMB Dana Al-Fakhim dan serah simpan Risalah Keterangan Produk ini tidak seharusnya dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan BIMB Dana Al-Fakhim atau bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana pernyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Risalah Keterangan Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ketidakdedahan oleh BIMB Investment Management Berhad yang mana bertanggungjawab terhadap BIMB Dana Al-Fakhim dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Risalah Keterangan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan tentang ketepatan atau kesempurnaan Risalah Keterangan Produk ini dan menafikan secara nyata apa jua liabiliti yang timbul daripada atau bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

**NOTA: RISALAH KETERANGAN PRODUK INI ADALAH TERJEMAHAN DARIPADA VERSI BAHASA INGGERIS. JIKA TERDAPAT SEBARANG PERBEZAAN KANDUNGAN, RISALAH KETERANGAN PRODUK VERSI BAHASA INGGERIS DIANGGAP MUKTAMAD.**

Risalah Keterangan Produk ini hanya menekankan ciri penting dan risiko tentang produk pasaran modal yang tidak tersenarai ini. Pelabur dinasihatkan supaya meminta, membaca dan memahami dokumen-dokumen penzahiran sebelum membuat keputusan untuk melabur.

## RISALAH KETERANGAN PRODUK

### BIMB DANA AL-FAKHIM

#### MAKLUMAT RINGKAS TENTANG PRODUK

#### 1. Apakah produk ini ?

<b>Kategori Produk</b>	Dana Pasaran Wang	<b>Jenis Produk</b>	Pendapatan
<b>Pengurus</b>	BIMB Investment Management Berhad	<b>Pemegang Amanah</b>	SCBMB Trustee Berhad
<b>Tarikh Permulaan</b>	27 Disember 2001	<b>Dasar Pengagihan</b>	Dana akan mengagihkan pendapatan* (jika ada) pada setiap bulan.  <i>Nota: *Pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula secara automatik. Oleh itu, pemegang unit akan menerima unit tambahan daripada pelaburan semula pengagihan pendapatan.</i>
<b>Kekerapan Urus Niaga</b>	Setiap Hari Urus Niaga	<b>Tahun Kewangan Berakhir</b>	31 Ogos
<b>Modal Dijamin</b>	Tidak	<b>Penanda Aras</b>	Deposit Bertempoh-i Tawarruq (TDT-i) 1-bulan Bank Islam Malaysia Berhad.  <i>Nota: Pelabur dimaklumkan bahawa portfolio sebenar Dana pada bila-bila masa mungkin terdiri daripada kombinasi deposit Islam, instrumen pasaran wang patuh Syariah dan debentur patuh Syariah dengan tempoh dan penarafan kredit yang berbeza-beza. Pelabur perlu sedar bahawa profil risiko portfolio Dana mungkin lebih tinggi daripada profil risiko penanda aras.</i>

#### KESESUAIAN PRODUK

#### 2. Produk ini sesuai untuk siapa?

<b>Profil Pelabur</b>	Sesuai bagi pelabur yang: <ul style="list-style-type: none"> <li>• konservatif</li> <li>• mengutamakan aliran pendapatan * tetap.</li> <li>• ingin mendapatkan pulangan yang berpatutan yang sepadan dengan risiko pelaburan yang rendah.</li> <li>• mengutamakan pelaburan jangka masa pendek.</li> <li>• berkeinginan untuk mencairkan atau mengurangkan pendedahan dalam ekuiti.</li> </ul>
-----------------------	--

	<p><b>Nota:</b>  <i>*Dana akan mengagihkan pendapatan (jika ada) secara bulanan. Pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula secara automatik. Oleh itu, pemegang unit akan menerima unit tambahan daripada pelaburan semula pengagihan pendapatan.</i></p>
<b>Profil Risiko Pelabur</b>	Risiko Rendah
<b>Ufuk Pelaburan</b>	Ufuk pelaburan jangkamasa pendek

## CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

### 3. Apakah pelaburan yang saya buat?

<b>Prinsip Syariah Yang Diguna Pakai</b>	<p>1- Pelabur melantik Pengurus untuk mengurus dan melaburkan dana di bawah kontrak Islam “<i>Wakalah Bil Istithmar</i>” atau Agensi untuk Pelaburan.</p> <p>2- BIMB Invest dilantik untuk menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak pelabur dengan mengenakan fi (“<i>Ujrah</i>”).</p> <p>3- Pemegang amanah ialah pihak bebas yang melindungi kepentingan pelabur dan memastikan pengurus bertindak menurut surat ikatan dan garis panduan SC.</p>
<b>Objektif Pelaburan</b>	<p>Dana berusaha untuk menyediakan aliran pendapatan tetap* dengan melabur di dalam debentur-debentur jangka pendek yang patuh Syariah, instrumen pasaran wang dan deposit jangka pendek.</p> <p><i>Nota:</i>  <i>*Dana mengagihkan pendapatan (jika ada) pada setiap bulan. Pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula secara automatik. Oleh itu, Pemegang Unit akan menerima unit tambahan daripada pelaburan semula pengagihan pendapatan tersebut.</i></p>
<b>Polisi &amp; Strategi Pelaburan</b>	<p>Dana ini adalah dana pasaran wang yang diuruskan secara aktif untuk menyediakan aliran pendapatan tetap* kepada para pemegang unit. Pelaburan Dana sebahagian besarnya terhad kepada instrumen deposit Islam jangka pendek dengan institusi kewangan, Sukuk jangka pendek yang diterbitkan oleh kerajaan Malaysia, agensi-agensi yang disokong oleh kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM), syarikat-syarikat Malaysia dan instrumen pasaran wang. Sukuk jangka pendek yang diterbitkan oleh syarikat Malaysia mestilah mempunyai penarafan kredit minimum AA3 oleh RAM atau AA- oleh MARC atau sebarang penarafan kredit yang setaraf oleh agensi penarafan lain. Instrumen pasaran wang, termasuk bil penerimaan patuh Syariah, penerimaan jurubank, sijil deposit, kertas komersial oleh syarikat-syarikat yang mempunyai taraf kredit jangka masa pendek minimum P1 oleh RAM atau MARC-1 oleh MARC atau sebarang penarafan kredit yang setaraf oleh agensi penarafan yang diiktiraf.</p> <p><i>Nota:</i>  <i>*Dana mengagihkan pendapatan (jika ada) pada setiap bulan. Pengagihan akan dilaburkan semula secara automatik. Oleh itu, pemegang unit akan menerima unit tambahan daripada pelaburan semula pengagihan pendapatan tersebut.</i></p>
<b>Peruntukan Aset</b>	<p>Harta Dana hendaklah terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan.</p> <p>Pelaburan patuh Syariah yang dibenarkan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>debentur jangka pendek;</li> <li>instrumen pasaran wang dan</li> <li>deposit jangka pendek.</li> </ol> <p>Nilai pelaburan Dana dalam pelaburan yang dibenarkan di mana mempunyai baki tempoh matang tidak lebih daripada 365 hari mestilah tidak kurang daripada 90% daripada NAB Dana. Nilai pelaburan Dana dalam pelaburan yang dibenarkan yang mempunyai baki tempoh matang lebih daripada 365 hari tetapi kurang daripada 732 hari tidak boleh melebihi 10% daripada NAB Dana.</p>

<b>Urus Niaga Unit</b>	<b>Pelaburan Permulaan Minimum</b>	<b>Pelaburan Tambahan Minimum</b>	<b>Amaun Pegangan Minimum</b>
	RM1,000	RM100	1,000 Unit
<b>Pembelian Unit</b>	Pelaburan permulaan minimum bagi Unit Dana ialah Satu Ribu Ringgit (RM1,000) atau amaun lain yang akan diputuskan oleh Pengurus dari semasa ke semasa. Pelaburan tambahan minimum bagi unit Dana ialah Satu Ratus Ringgit (RM100) atau amaun lain yang akan diputuskan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.		

**Pelabur tidak dibenarkan membuat bayaran tunai kepada mana-mana ejen individu atau dibankkan ke akaun ejen individu apabila membeli Unit Dana**

#### 4. Dengan siapakah saya melabur?

<b>Pengurus</b>	BIMB Investment Management Berhad (BIMB Invest)
<b>Profil Korporat Pengurus</b>	BIMB Invest ialah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad. BIMB Invest, syarikat pengurusan dana Islam berlesen, diperbadankan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994. BIMB Invest telah berkecimpung dalam industri unit amanah selama 22 tahun.
<b>Pemegang Amanah</b>	SCBMB Trustee Berhad
<b>Peguam Cara</b>	Tetuan Wei Chien & Partners
<b>Juruaudit</b>	KPMG Desa Megat PLT
<b>Penasihat Cukai</b>	Ernst & Young Tax Consultant Sdn. Bhd
<b>Jawatankuasa Syariah</b>	Ustaz Dr Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon Ustaz Dr Yusof bin Ramli Ustazah Dr Asmak binti Ab. Rahman

#### 5. Apakah hasil yang mungkin diperolehi daripada pelaburan saya?

Pelabur mungkin mendapat perolehan daripada kenaikan harga unit hasil kenaikan nilai asas dan/atau akruan keuntungan yang diperolehi.

Kerugian dalam senario paling buruk adalah pelabur akan kehilangan semua pelaburan mereka sekiranya semua institusi kewangan tidak dapat membayar jumlah pokok dan/atau kegagalan semua pengeluar Sukuk.

#### PRESTASI DANA

#### 6. Purata jumlah pulangan tahunan bagi tempoh berakhir 31 Ogos 2018:-

	1-Tahun	3-Tahun	5-Tahun	10-Tahun
<b>BIMB Dana Al-Fakhim</b>	3.09%	3.26%	3.24%	3.60%
<b>Penanda Aras</b>	2.44%	2.47%	2.53%	2.15%

**7. Jumlah pulangan tahunan bagi 10 Tahun yang Lepas Berakhir 31 Ogos:-**

Tahun	BIMB Dana AI-Fakhim	Penanda Aras
2018	3.09%	2.44%
2017	3.03%	2.32%
2016	3.37%	2.38%
2015	2.99%	2.39%
2014	2.77%	2.25%
2013	2.38%	2.27%
2012	3.35%	3.23%
2011	3.31%	3.08%
2010	3.06%	2.36%
2009	3.89%	2.22%


**Nota:**

1. **Jumlah Pulangan** telah disahkan oleh Novagni Analytics & Advisor Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Perkasa Normandy Managers Sdn. Bhd.) (363145-W).

2. **Jumlah Pulangan Purata** adalah berpandukan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan Tahun Bawah Kajian}}$$

**8. Prestasi Dana dan penanda aras bagi tempoh yang berikut:-**



\* Penanda aras = 1 bulan Deposit Berjangka – i (Tawarruq) (TDT-i) Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) selepas cukai korporat.

## 9. Peruntukan aset

Setakat 31 Ogos	2016	2017	2018
Sukuk	10.9%	0.0%	0.0%
Tunai + Pasaran Wang	89.1%	100.0%	100.0%

Pendedahan Dana 100.0% di dalam pelaburan pasaran wang setakat 31 Ogos 2018.

## 10. Nisbah pusing ganti portfolio (PTR)

Bagi Tahun Berakhir 31 Ogos	2016	2017	2018
BIMB Dana Al-Fakhim (kali)	5.82	7.22	4.18

PTR Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2018 telah menurun daripada 7.22 kali pada 2017 kepada 4.18 kali pada tahun 2018 terutamanya disebabkan oleh pengurangan aktiviti transaksi.

PTR dikira seperti yang berikut:-

$$\text{PTR} = \frac{[\text{Jumlah perolehan Dana bagi tahun berkenaan} + \text{Jumlah pelupusan Dana bagi tahun berkenaan}] / 2}{\text{Purata nilai aset bersih Dana bagi tahun kewangan yang dikira secara harian}}$$

## 11. Pengagihan Pendapatan

	2016	2017	2018
Pengagihan kasar seunit (sen)	1.60	1.57	1.46
Pengagihan bersih seunit (sen)	1.60	1.57	1.46

Pengagihan dibuat dalam bentuk tunai atau Unit.

## SEJARAH PRESTASI KEWANGAN DANA

## 12. Ekstrak Penyata Untung atau Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif yang Telah Diaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos

	2016 RM	2017 RM	2018 RM
Jumlah Pendapatan Pelaburan	757,654	681,053	7,954,731
Jumlah Perbelanjaan	122,842	118,654	1,205,365
Jumlah Pendapatan Sebelum Cukai	634,812	562,399	6,749,366
Jumlah Pendapatan Selepas Cukai	634,812	562,399	6,749,366

**13. Ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan yang Telah Diaudit Setakat 31 Ogos**

	2016 RM	2017 RM	2018 RM
Jumlah Pelaburan	17,150,682	16,818,208	678,970,926
Jumlah Lain-Lain Aset	1,381,704	989,255	92,383,338
Jumlah Aset	18,532,386	17,807,463	771,354,264
Jumlah Liabiliti	49,234	29,543	348,478
Modal Pemegang Unit/NAB	18,483,152	17,777,920	771,005,786

**14. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (MER) Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang lepas ditunjuk seperti dibawah:-**

Dana	2016	2017	2018
BIMB Dana Al-Fakhim (%)	0.64	0.63	0.54

MER Dana dikira seperti yang berikut:-

$$\text{MER} = \frac{\text{Fi Dana} + \text{perbelanjaan Dana} \times 100}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana bagi tahun berkenaan yang dikira secara harian}}$$

**15. Jumlah Perbelanjaan Tahunan Ditanggung oleh Dana bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 August 2018**

Dana	Fi Pengurusan		Fi Pemegang Amanah		Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		Jumlah Perbelanjaan Tahunan	
	RM	%*	RM	%*	RM	%*	RM	%*
BIMB Dana Al-Fakhim	1,091,586	0.50	64,773	0.03	49,006	0.01	1,205,365	0.54

*\* Peratusan yang ditunjukkan adalah sebagai peratusan daripada purata NAB dikira setiap hari.*

**PRESTASI MASA LEPAS DANA BUKAN PETUNJUK PRESTASI MASA HADAPAN.**

**PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI DANA DINYATAKAN DALAM LAPORAN TAHUNAN DANA DAN LAPORAN TAHUNAN DISEDIAKAN ATAS PERMINTAAN.**

**RISIKO UTAMA**

**16. Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?**

**Anda terdedah kepada risiko berikut:**



a. **Risiko Kadar Untung/ Faedah** – Secara umum, perubahan pada tahap kadar faedah am\* boleh menyebabkan harga Sukuk berubah secara songsang. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur

dalam Sukuk sehingga ia matang, dan dengan itu mengunci hasilnya. Pengurus juga mengurus risiko kadar untung/faedah dengan mempertimbangkan kepekaan setiap Sukuk terhadap perubahan untung/kadar faedah seperti yang diukur melalui tempohnya.

\*Nota: Istilah kadar faedah tidak sama sekali mencadangkan bahawa Dana akan melabur dalam sekuriti atau instrumen yang tidak mematuhi Syariah. Semua pelaburan yang dibuat untuk Dana adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.

Pada dasarnya, pelaburan Dana ini telah distrukturkan supaya ia terbatas pada instrumen jangka pendek untuk mengurangkan kesan turun naik harga dalam kadar keuntungan ke atas prestasi Dana dalam jangka pendek.

b. **Risiko Rakan Niaga** – Risiko rakan niaga merujuk kepada risiko dengan mana-mana institusi kewangan yang berurusan dengan Dana, dalam keadaan tertentu, gagal untuk melaksanakan tanggungjawabnya apabila sampai tempoh masa. Ini akan mengakibatkan Dana mengalami kerugian yang nyata.

c. **Risiko Mungkir** – Risiko ini timbul apabila penerbit tidak dapat memenuhi apa-apa obligasi berkala, contohnya, pembayaran keuntungan atau membayar amaun pokok apabila sampai tempoh masa. Dalam kes tersebut, pelabur akan mengalami kerugian besar. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur dalam Sukuk, yang membawa penarafan kredit minimum AA3 oleh RAM atau AA- oleh MARC atau penarafan kredit yang setara oleh mana-mana agensi penarafan kredit yang lain atau penarafan kredit jangka pendek minimum P1 oleh RAM atau MARC-1 oleh MARC atau penarafan kredit yang setara oleh mana-mana agensi penarafan kredit yang lain. Risiko ini juga dikurangkan melalui analisis kredit yang dilakukan oleh Pengurus bagi menentukan kemampuan penerbit untuk memberikan bayaran yang dijanjikan.

**FI & CAJ**

**17. Apakah fi dan caj yang terlibat?**

**Terdapat fi dan caj yang terlibat dan pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan fi dan caj tersebut sebelum melabur dalam Dana.**

Jadual ini menerangkan fi dan caj yang mungkin **ditanggung secara langsung** apabila anda membeli atau menebus Unit.

<b>Caj Jualan</b>	Pengurus <b>TIDAK</b> akan mengenakan apa-apa caj jualan ke atas jualan unit.	
<b>Caj Penebusan</b>	Pengurus <b>TIDAK</b> akan mengenakan apa-apa fi penebusan ke atas apa-apa urusan niaga penebusan.	
<b>Fi Pemindahan Dana</b>	Tiada.	
<b>Fi Pertukaran Dana</b>	Fi pertukaran dana mungkin dikenakan oleh Pengurus seperti yang berikut:-	
	<b>a. Kali pertama</b>	: Tiada
	<b>b. Kali ke-2 dan seterusnya</b>	: RM25 setiap transaksi (Fi pertukaran dana dikecualikan kepada pelabur yang mempunyai pelaburan melebihi RM100,000 dan ke atas dengan BIMB Invest).

***Fi pertukaran dana kali ke-2 dan seterusnya diatas tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) atau apa cukai jualan atau levi lain yang serupa yang akan dibayar oleh Pemegang Unit.***

Jadual ini menerangkan fi yang mungkin ditanggung **secara tidak langsung** apabila anda melabur dalam Dana.

<b>Fi Pengurusan</b>	Dana membayar yuran pengurusan tahunan sebanyak <b>0.50% setahun</b> daripada NAB kepada Pengurus untuk menguruskan Dana. Yuran pengurusan adalah dikira dan diakru secara harian, serta dibayar secara bulanan kepada Pengurus.
<b>Fi Pemegang Amanah</b>	Dana membayar yuran pemegang amanah tahunan sebanyak <b>0.03% setahun</b> daripada NAB Dana, <b>tertakluk kepada fi minimum RM18,000.00 setahun</b> . Yuran pemegang amanah dikira secara harian dan dibayar secara bulanan kepada Pemegang Amanah. <b>Nota: Fi pemegang amanah tahunan yang baru berkuatkuasa pada 1 Januari 2018.</b>
<b>Perbelanjaan Dana</b>	Perbelanjaan Dana termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• komisen yang dibayar kepada broker;</li> <li>• fi juruaudit;</li> <li>• fi penasihat cukai;</li> <li>• fi penilaian;</li> <li>• fi profesional lain yang berkaitan;</li> <li>• cukai dan duti lain yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain;</li> <li>• fi penjagaan bagi pelaburan asing, jika ada;</li> <li>• kos mencetak dan mengedarkan laporan tahunan dan laporan interim;</li> <li>• kos bagi pengubahsuaian Surat Ikatan selain pengubahsuaian untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah; dan</li> <li>• apa-apa notis lain kepada Pemegang Unit serta perbelanjaan yang berkait secara langsung dan perlu untuk pentadbiran Dana, seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan.</li> </ul>
<b>Lain-lain</b>	Dalam menjalankan urus niaga, caj tertentu mungkin harus ditanggung. Pelabur perlu menanggung caj urus niaga tersebut, contohnya, caj bank, caj telegraf, caj kurier dan GST (mana-mana yang berkaitan).  Pengurus berhak mengubah syarat tersebut dari semasa ke semasa, yang akan dimaklumkan kepada pelabur secara bertulis.

**Nota:**

- **Pengurus boleh, atas apa-apa sebab dan pada bila-bila masa, mengetepikan atau mengurangkan amaun apa-apa fi atau caj yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit berhubung dengan Dana.**
- **Fi-fi diatas adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) atau apa cukai jualan atau levi lain yang serupa yang akan dibayar oleh Pemegang Unit.**

## PENILAIAN DAN PENARIKAN DARIPADA PELABURAN

### 18. Berapa kerapkah penilaian dilakukan?

Penilaian Dana dilakukan di penghujung setiap Hari Urus Niaga. Pemegang Unit boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan Dana daripada laman web BIMB Invest di <http://www.bimbinvestment.com.my>. NAB seunit Dana bagi setiap hari boleh didapati di pejabat urusan Pengurus.

### 19. Bagaimanakah saya boleh menarik diri daripada pelaburan ini dan apakah risiko dan kos yang terlibat?

- Anda boleh menarik diri daripada Dana dengan menebus pelaburan anda dalam Dana pada bila-bila masa hanya dengan melengkapkan borang permohonan penebusan dan mengembalikannya kepada pejabat urusan BIMB Invest dan/atau di cawangan Bank Islam yang terdekat semasa waktu perniagaan/urusan bank biasa.

- Pengurus tidak mengenakan amaun minimum bagi apa-apa urus niaga penebusan. Walau bagaimanapun, amaun minimum bagi apa-apa urus niaga penebusan tertakluk pada keperluan pegangan minimum.
- Anda akan menerima hasil penebusan dalam tempoh 10 hari dari hari Pengurus menerima permintaan penebusan dan sebelum tamat had masa.
- Had masa bagi urus niaga penebusan adalah pada atau sebelum jam 4.00 petang pada mana-mana Hari Urus Niaga. Had masa akan ditentukan berdasarkan waktu dan tarikh cop yang dibuat oleh pejabat kami. Jika permintaan belian balik diterima selepas had masa yang disebut di atas, permintaan tersebut akan dianggap sebagai diterima pada Hari Urus Niaga berikutnya.
- Tempoh bertenang selama enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh Pengurus menerima pelaburan diberikan kepada pelabur yang melabur dengan BIMB Invest untuk kali pertama.
- Dalam tempoh bertenang, pelabur yang mengubah fikirannya tentang pelaburan amanah saham yang dibuat, dia boleh melaksanakan hak tempoh bertenangnya dengan mengemukakan permohonan bertenang kepada BIMB Invest, di cawangan Bank Islam yang terdekat atau melalui IUTA kami yang diberi kuasa.
- Pada dasarnya, pelabur akan menerima bayaran balik penuh daripada amaun pendahuluan yang dibayar untuk belian Unit dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh penerimaan permohonan bertenang oleh Pengurus.

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN

### 20. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

**Anda boleh menghubungi kami di alamat berikut:**

#### **BIMB Investment Management Berhad**

Aras 19, Menara Bank Islam,  
No. 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2161 2524 / 03-2161 2924  
Faks : 03-2161 2464  
Nombor Bebas Tol : 1800-88-1196  
E-mel : [marketing.bimbinvest@bankislam.com.my](mailto:marketing.bimbinvest@bankislam.com.my)  
Laman Web : <http://www.bimbinvestment.com.my>

#### **Pejabat Agensi Johor Bahru**

33 Jalan Indah 15/2,  
Taman Bukit Indah,  
79100 Nusajaya,  
Johor Darul Takzim  
Tel : 07- 239 5608  
Faks: 07- 239 5609

#### **Pejabat Agensi Melaka (Qashrina Agency)**

SU 1447, Tingkat 1,  
Taman Masjid Tanah Ria Utama,  
78300 Masjid Tanah, Melaka  
Tel : 06-3851076  
Faks : 06-3851076

#### **Pejabat Agensi Kelantan**

PT 433 & 434  
Jalan Padang Garong,  
15000 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel : 017-9301302

**Pejabat Agensi Selangor (Fareed Agency)**

No 19-1 Medan Bukit Indah 4,  
Taman Bukit Indah,  
68000 Ampang,  
Selangor  
Tel : 03-42957388

**Pejabat Agensi Kuantan**

No 205 Tingkat 2,  
Bangunan Mahkota Square,  
Jalan Mahkota,  
25000 Kuantan,  
Pahang  
Tel : 019-9762067

**Cawangan Bank Islam yang terdekat Atau**

**Pejabat IUTA lain seperti berikut:**

**IFAST Capital Sdn Bhd (782978-H)**

Aras 28, Menara Standard Chartered  
No.30, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-2149 0500  
Faks : 03-2143 1218

**Phillip Mutual Berhad**

B-2-7, Block B, Unit 7, Megan Avenue II,  
12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2783 0300  
Faks : 03-2166 6417  
Talian Khidmat Pelanggan : 03-2783 0200  
Faks : 03-2711 3036  
Emel : [phillipmutual@poems.com.my](mailto:phillipmutual@poems.com.my)

**Kenanga Investment Bank Berhad**

Tingkat Bawah, West Wing,  
Bangunan ECM Libra,  
8 Jalan Damansara Endah,  
Damansara Heights,  
50490 Kuala Lumpur  
Tel: 03-20892888  
Fax : 03-20937835

**Amanahraya Investment Management Sdn Bhd**

Tingkat 7 & 8, Wisma Amanahraya,  
2, Jalan Ampang,  
50508 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26875200  
Fax : 03-26875300

**21. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:**

**Jabatan Rangkaian & Pengagihan Maklum Balas**

Tingkat 18, Menara Bank Islam,  
No. 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur.  
Faks: 03-2782 1337

**22. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC):**

- a. melalui telefon di : 03-2282 2280
- b. melalui faks ke : 03-2282 3855
- c. melalui emel ke : info@sidrec.com.my
- d. melalui surat kepada : **Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC)**  
Unit A-9-1, Aras 9, Menara A Menara UOA Bangsar,  
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur.

**23. Anda juga boleh mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan Suruhanjaya Sekuriti:**

- a. melalui telefon di Talian Utama Aduan : 03-6204 8999
- b. melalui faks ke : 03-6204 8991
- c. melalui e-mel ke : aduan@seccom.com.my
- d. melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)
- e. Melalui surat kepada : **Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan**  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia  
No. 3 Persiaran Bukit Kiara  
Bukit Kiara  
50490 Kuala Lumpur.

**24. Biro Pengaduan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM)**

- a. melalui telefon di talian utama Aduan : 03 – 2092 3800
- b. melalui faks ke : 03 – 2093 2700
- c. melalui e-mel ke : complaints@fimm.com.my
- f. melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : [www.fimm.com.my](http://www.fimm.com.my)
- d. Melalui surat kepada : Legal, Secretarial & Regulatory Affairs  
Federation of Investment Managers Malaysia  
19-06-1, 6<sup>th</sup> Floor, Wisma Tune,  
No.19, Lorong Dungun,  
Damansara Heights,  
50490 Kuala Lumpur.

#### LAMPIRAN: GLOSARI

“Hari Urus Niaga”	Hari di mana Bursa Malaysia dibuka untuk dagangan.
“Dana”	BIMB Dana Al-Fakhim
“NAB”	Nilai Aset Bersih.
“SC”	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
“Jangka Pendek”	Bermaksud tempoh kurang daripada 365 hari.
“Sukuk”	Dokumen atau sijil yang mendokumenkan pemilikan yang tidak dibahagikan atau pelaburan di dalam aset yang berlandaskan prinsip dan konsep Syariah. Sak (tunggal kepada Sukuk) didagangkan secara bebas pada tara, premium atau diskaun.
“Unit”	Unit Dana.
“Pemegang Unit/Pelabur”	Orang yang berdaftar sebagai pemegang Unit Dana dan yang namanya tercatat dalam daftar Pemegang Unit.